

Tun M muncul kali pertama sejak dirawat di IJN

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad muncul di khalayak umum sambil menikmati secawan coklat ais secara santai di Pavilion Damansara semalam, penampilan kali pertama sejak dimasukkan untuk rawatan ke Institut Jantung Negara (IJN) pada 6 Januari lalu.

Berpakaian ringkas dengan kemeja berkolar lengan pendek dan berkain sarung, Dr Mahathir dilihat duduk di kerusi roda dalam sebuah kafe di pusat beli-belah itu.

Setiausaha Akhbarnya, Sufi Yusoff, yang berkongsi perkembangan itu, berkata Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dibawa pegawai perubatan IJN ke sebuah kafe di pusat beli-belah di Pavilion.

Beliau turut ditemani Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Seri Dr Mohamed Izani Md Taib menghabiskan masa kira-kira 40 minit di kafe itu.

“Dr Mahathir memilih untuk menikmati segelas coklat ais bagi *outing* pertamanya sejak dimasukkan ke IJN pada 6 Januari lalu bagi rawatan dan pemulihan selepas terjatuh di kediamannya di The Mines yang menyebabkan tulang pinggul kanan beliau patah,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, Dr Mahathir kemudian dibawa semula ke IJN untuk menyambung rawatan.

Dr Mahathir juga masih tidak dibenarkan menerima peawat.